Mohamad Zahri also called on Petaling Jaya folk to report dumping incidents via the MBSJ hotline at 03-7954 2020.

On another matter, he said the local authority received some 22,000 complaints this year with 80% being resolved.

The complaints were received via various channels including the Public Complaints Management System or Sispaa.

Separately, Mohamad Zahri said four Chinese New Year

More cameras to catch culprits dumping waste in PJ hotspots



A CCTV camera in Petaling Jaya installed to prevent illegal dumping. — Filepic

bazaars were approved to operate between Dec 26 and Jan 28.

There are 75 lots in total — Pasar Jalan Othman (12), Pasar Taman Megah (16), Pasar Kampung Cempaka (19) and Jalan SS 9A/14, Sungai Way (28).

Due to the low number of initial applications, Mohamad Zahri said a second round of applications was opened between Dec 13 and 20 for the Jan 29 festival.

As for Ramadan bazaars, the mayor said 18 will operate across Petaling Jaya, comprising 1,260 lots in total.

As of Dec 16, he said MBSJ has received 1,070 applications to trade at these bazaars.

However, at five locations — PJS 2/3 Taman Medan, PJS 1/30 Taman Sri Manja, SS 6/1 Kelana Jaya, Section 4 Kota Damansara and Apartment Vista Damansara Damai — the number of applications was higher than the total number of lots.

Mohamad Zahri said the city council would consider increasing the number of lots at these bazaar sites to cater to demand.



THE STAR
Tarikh: 23 DEC 2024

SPECIAL APPRECIATION FOR RETIREES

PENSIONERS HAPPY ABOUT CONTINUED AID

Decision on PKKP will provide relief from the rising cost of living, says association

23/12/24

KUALA LUMPUR

THE government's decision to continue giving Special Appreciation for Retirees (PKKP) is proof of its concern about the welfare of retirees.

Malaysian Government Pensioners Association deputy president Datuk Mohd Rashidi Mohd Nor said many members expressed gratitude for the decision, recognising it as a relief from the rising cost of living.

"With the high costs of living, many pensioners struggle to make ends meet, and they welcome the government's decision to continue providing this assistance."

He also hoped that the government could finalise the decision to implement pension adjustments in line with salary reviews for civil service officers according to Pensions Act 1980.

On Saturday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the cabinet had agreed to continue providing PKKP to pensioners and their dependents, emphasising the government's commitment to their wellbeing.

In Putrajaya, Communications Ministry pensioner Nor Fadilah Othman described the govern-

ment's continued PKKP provision as the right move as it helps ease retirees' cost of living burden.

The former assistant publications officer said pensioners had unexpected commitments or expenses even after retiring from the public sector.

"I agree with the prime minister's decision to continue PKKP because after retiring, pensioners may still face problems."

"This will require high expenses and, with the continued PKKP, it will be of help to them."

In Terengganu, Zikri Mamat, 63, said the decision proved that the government had not forgotten about pensioners like him, who have served a long time.

The Terengganu State Agriculture Department pensioner, who worked in the public service for 39 years, said the announcement made him feel appreciated, besides easing his burden in facing the rising prices of goods and cost of living.

"I am grateful for the announcement, especially for those of us in the lower grade who re-

ceive less than RM2,000 in pension."

"It is helpful for me and my wife."

In Johor, retired teacher Minati Hamir, 70, said the decision was "meaningful" in easing the burden of pensioners when it came to buying daily necessities, especially medicines, and hospital treatment.

"It can also be used for other purposes, like giving donations and for savings when needed in the future."

"I hope such initiatives will be continued for pensioners in terms of improving their quality of life and wellbeing."

In Sabah, government pensioner Norijah Ismail, 61, of Kampung Indai, Tuaran, thanked the government for continuing with PKKP, thus ensuring that they were not marginalised.

"We didn't earn big salaries, so this PKKP is meaningful."

"This is also proof of the government's concern about the welfare of pensioners," said Norijah, who worked in the civil service for 36 years. **Berna-**



With the high costs of living, many pensioners struggle to make ends meet, and they welcome the government's decision to continue providing this assistance.

DATUK MOHD RASHIDI MOHD NOR

Malaysian Government Pensioners Association deputy president

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 12.3.DEC.2024.....

'MONITOR GOVT SALARY SCHEME FIRST'

Chief secretary says Putrajaya has not considered any retirement age proposal yet

MOHD RAFI MAMAT
PEKAN
news@nst.com.my

CHIEF Secretary to the Government (KSN) Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar said the government needed to monitor the implementation of the Public Ser-

vice Remuneration Scheme (SSPA) before reassessing the retirement age. The retirement age for government servants in Malaysia is set at 60 years.

"For now, we are observing the situation first. We have not yet considered any proposals related to the retirement age.

"The current focus is on the SSPA. Last week, civil servants received the long-awaited salary increase, which is expected to ease their financial burdens," he said.

"I've seen on social media that civil servants are very happy with the salary increase, which they've been waiting for a long time," he said during the Madani Community Outreach Pro-

gramme in Kampung Tanjung Batu, Nenasi, yesterday.

Also present were Pahang State Development Director Datuk Fadzillah Salleh and Pekan district officer Datuk Zaliza Zulkipli.

During the programme, 51 underprivileged individuals received daily essentials worth RM38,000 in total under the Pahang State Development Fund, which also allocated resources for four facilities in Kampung Tanjung Batu.

Shamsul Azri reminded civil servants who received the salary increase to spend wisely, particularly when preparing school supplies for their children.

On Saturday, Prime Minister

Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the government had agreed to continue providing the Special Recognition for Retirees (PKKP) aid to retirees and derivative pension recipients who had previously benefited from it.

He said this was to ensure they received a higher pension rate to safeguard their well-being in facing the current living costs.

The PKKP means that the two per cent annual pension increments enjoyed by retirees would be maintained in the form of special aid.

He also said the SSPA, effective Dec 1, included the adjustment of pensions for retirees and derivative pension recipients.

On Aug 16, he announced that civil servants in the implementing and professional group would receive a 15 per cent salary increment effective Dec 1.

Anwar, who is also the finance minister, said civil servants in top management and professional roles would see an increase of seven per cent.

The increment, he said, would be implemented in two phases: the first phase in December this year and the second phase in January 2026.

He said retirees and derivative pension recipients would receive pension adjustments with the same percentage increments as active civil servants, to be implemented in two phases.

Kekal beri PKKP bukti kerajaan bela nasib pesara

Ahli persatuan bersyukur keputusan ringankan beban kos sara hidup

Kuala Lumpur: Keputusan meneruskan pemberian Penghargaan Khas Kepada Pesara (PKKP) membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan golongan pesara yang telah mencurahkan bakti kepada negara.

Timbalan Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Datuk Mohd Rashidi Mohd Nor, berkata kebanyakan ahli persatuan itu bersyukur dengan keputusan berkenaan kerana ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban kos sara hidup yang ditanggung pesara.

"Dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi ketika ini, ramai dalam kalangan pesara menghadapi kesulitan untuk menyara kehidupan dan langkah kerajaan meneruskan pemberian ini (PKKP) amat disambut baik," katanya.

Pada masa sama, beliau berharap kerajaan dapat memuktamadkan keputusan untuk melaksanakan penyaluran pencaharian gaji pegawai perkhidmatan awam mengikut Akta 1980.

laras dengan pelaksanaan semakan gaji pegawai perkhidmatan awam mengikut Akta 1980.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan melalui keputusan Jemaah Menteri pada Jumaat lalu, bersetuju meneruskan pemberian PKKP bagi mana-mana pesara dan penerima pencen terbitan yang telah menikmati PKKP dalam usaha menjaga kebajikan golongan itu.

Ada komitmen perlu dilunas

Sementara itu, pesara Kementerian Komunikasi, Nor Fadilah Othman, menyifatkan langkah kerajaan meneruskan pemberian PKKP kepada pesara adalah tepat kerana ia membantu meringankan kos sara hidup pesara.

Bekas Penolong Pegawai Penempatan itu berkata, pesara juga mempunyai komitmen atau perbelanjaan luar jangka yang perlu dilunaskan meskipun telah menamatkan perkhidmatan dalam sektor awam.

"Saya amat bersetuju dengan keputusan Perdana Menteri meneruskan PKKP kerana selepas bersara berkemungkinan pesara menghadapi pelbagai masalah.

"Ini tentu sahaja memerlukan perbelanjaan tinggi dan dengan adanya PKKP yang berterusan, ia sedikit sebanyak membantu pesara," katanya.

Pesara, Zikri Mamat, 63, menyifatkan keputusan itu membuktikan Kerajaan MADANI tidak pernah melupakan pesara seperti yang lama berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Beliau yang juga pesara Jabatan Pertanian Negeri Terengganu selepas berkhidmat selama 39 tahun, berkata pengumuman itu membuktikan dia rasa dihargai serta meringankan bebannya dalam menghadapi kenaikan harga barang serta kos sara hidup.

"Saya sangat bersyukur dengan pengumuman tersebut. Apatah lagi bagi kami yang bergred rendah dan menerima pencen bawah RM2,000 ini. Sangatlah membantu untuk saya meneruskan hidup bersama isteri," katanya.

Pesara guru, Minati Hamir, 70, menyifatkan keputusan kerajaan sangat bermakna untuk meringankan beban golongan pesara bagi pembelian barangan keperluan harian khususnya ubat-ubatan dan rawatan hospital.

"Ia juga boleh digunakan untuk kegunaan lain seperti berinfak dan juga untuk simpanan apabila diperlukan kelak. Harapan saya agar inisiatif seperti ini diteruskan pada masa depan sekali gus manfaatnya diterima lebih ramai pesara dalam meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup pesara," katanya.

BERNAMA



Kerajaan di harap dapat memuktamadkan keputusan untuk melaksanakan penyaluran pencaharian gaji pegawai perkhidmatan awam mengikut Akta 1980. (Foto fail NSTP)

'Pantau dulu SSPA sebelum kaji had usia bersara'

23/12 24

Pekan: Kerajaan perlu memantau dulu pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebelum menilai semula had umur persaraan, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

"Setakat ini kita tengok dulu. Masih belum memikirkan sebarang cadangan berkaitan umur persaraan. Tumpuan kini lebih kepada SSPA terlebih dahulu dan minggu lalu penjawat awam menerima kenaikan gaji yang diharapkan."

"Saya dapati dalam media sosial penjawat awam begitu gembira menerima kenaikan gaji yang sudah lama mereka ditunggu yang dapat meringankan be-

ban masing-masing," katanya ditemui pada Program Santuni MADANI Kampung Tanjung Batu, Nenasi, di sini semalam.

Yang hadir sama Pengarah Pembangunan Negeri Pahang, Datuk Fadzillah Salleh dan Pegawai Daerah Pekan, Datuk Zaliza Zulkipli.

Pada program berkenaan, seramai 51 asnaf menerima sumbangan barang keperluan harian.

Shamsul Azri berkata, penjawat awam yang menerima kenaikan gaji turut diingatkan supaya berjimat cermat dalam berbelanja, terutama menyediakan kelengkapan persekolahan anak.



Shamsul Azri pada Program Santuni MADANI Kampung Tanjung Batu, Nenasi, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh... 23 DEC 2024

Kenaikan gaji penjawat awam dijangka lonjak jualan kereta

Kuasa beli semakin tinggi pacu segmen mampu milik

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kenaikan gaji penjawat awam bulan ini sebahagiannya mampu memulihkan kuasa beli mereka dan dijangka membantu memacu jualan kereta pada tahun depan, demikian menurut penganalisis.

Menurut penganalisis Kena Investment Bank Bhd, Wan Mustaqim Wan Ab Aziz, pasaran automotif tempatan kini menunjukkan trend dua kelajuan seperti yang dijangkakan 2024 dan mungkin berterusan pada 2025.

Katanya, bagi segmen mampu milik, ia akan terus berjalan seperti biasa kerana pelanggan sasarannya, iaitu golongan B40 dan bahagian bawah M40, tidak akan terkesan oleh rasionalisasi subsidi bahan api yang bakal dilaksanakan dan berpotensi mendapat manfaat daripada pengenalan model gaji progresif.

"Kenaikan gaji bagi kebanya-

kan penjawat awam (pengurusan tertinggi menerima kenaikan tujuh peratus, manakala profesional dan eksekutif 15 peratus) pada Disember 2024 juga akan sebahagiannya memulihkan kuasa beli mereka yang terhakis akibat inflasi yang tinggi.

"Namun, situasi berbeza bagi segmen premium kerana pelanggan sasarannya, iaitu golongan atasan M40 dan T15, mungkin menanggukkan pembelian kereta baharu, menukar kepada kereta yang lebih kecil, atau beralih kepada kenderaan elektrik (EV) untuk mengurangkan kos bahan api mereka apabila rasionalisasi subsidi bahan api dilaksanakan," katanya dalam satu nota penyediaan.

Mampu capai sasaran TIV

Dalam pada itu, Wan Mustaqim berkata, sasaran jumlah keseluruhan industri (TIV) sebanyak 800,000 unit tahun ini dilihat mampu dicapai apabila tempoh keseluruhan 11 bulan mencapai 91 peratus daripada unjuran berkenaan.

"Kami menganggap angka ini sejajar dengan jangkaan. Ramalan kami untuk jualan kenderaan baharu di Malaysia pada 2024 atau TIV yang dikekalkan pada 800,000 unit, terbukti tidak

terlalu agresif kerana Persatuan Automotif Malaysia (MAA) juga telah menyemak semula sasaran mereka pada November kepada paras ini.

"Melangkah ke hadapan, kami percaya TIV bagi Disember 2024 lebih tinggi daripada TIV November 2024, didorong kempen promosi akhir tahun apabila pengeluaran kenderaan berusaha untuk menghabiskan inventori tahun ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pelaksanaan e-Invois memberikan kesan lebih kecil terhadap

jualan kereta berbanding jangkaan awal mereka.

"Pengeluar kereta kini berlumba-lumba menawarkan diskaun dan rebat bagi memastikan permintaan kekal kukuh dan mengurangkan kesan e-invois terhadap sentimen pengguna.

"E-Invois pada dasarnya akan menghentikan amalan biasa pembiayaan sewa beli 100 peratus yang mengelak pematuhan Akta Sewa Beli 1967 di mana pelanggan dikehendaki membuat bayaran pendahuluan minimum 10 peratus," katanya.



Pengeluar tawar diskaun serta rebat pastikan permintaan kenderaan kekal kukuh dan mengurangkan kesan e-invois.
(Foto hiasan)

Kesan signifikan perubahan iklim terhadap Malaysia



Rencana Utama

Oleh
FARID AHMAD TARMUJI

"SAYA dapat rasakan suhu di Malaysia kini semakin panas, berbanding dahulu," kata Faisal Ismail.

Malah, rumah keluarganya di Kedah kini telah dipasang dengan pendingin hawa.

Pemuda berusia 36 tahun itu masih mengingat, sekitar dua dekad lalu keadaan di kampungnya tidak sepanas sekarang.

"Dahulu, pendingin hawa tidak diperlukan kerana suhu tidak sepanas sekarang.

"Tetapi kini, saya dapat rasa perbezaannya, di mana jika tiada pendingin hawa pasti saya berpeluh pada waktu malam ketika tidur," jelasnya.

Menurut, Felo Penyelidik yang juga Pensyarah Kanan di Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Gs. Dr. Ricky Anak Kemarau berkata, perubahan iklim telah memberi kesan kepada peningkatan suhu di Malaysia.

Katanya, berdasarkan kajian kesan perubahan iklim yang dilakukan di Malaysia, berlaku peningkatan suhu.

"Dari tahun 1970 hingga 2013, suhu purata di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak meningkat sebanyak 0.14 darjah Celsius sehingga 0.25 darjah Celsius setiap dekad.

"Dalam tempoh 30 tahun, suhu udara meningkat secara konsisten dengan purata 0.28 darjah Celsius.

"Kawasan seperti di Bandar Penawar, Johor mencatatkan



KEMARAU teruk boleh menjejaskan hasil pertanian negara terutamanya padi yang bergantung pada air. - GAMBAR HIASAN

kenaikan tertinggi sebanyak 0.60 darjah Celsius, manakala di Marudi (Sarawak) berlaku peningkatan terendah sebanyak 0.09 darjah Celsius," katanya.

Tambahnya, fenomena 'pulau haba bandar' juga semakin ketara dengan bandar raya seperti Kuala Lumpur mencatat suhu 1.06 hingga 1.5 darjah Celsius lebih tinggi dalam tempoh 30 tahun.

Di wilayah Utara Semenanjung, suhu dijangka meningkat sehingga 3 darjah Celsius menjelang 2050, sekali gus mengancam kawasan pertanian akibat kemarau lebih kerap.

Menjelang 2090, suhu dijangka meningkat sebanyak 3.11 darjah Celsius di bawah senario pelepasan tinggi (RCP8.5).

Mengulas lanjut, Ricky berkata, peningkatan suhu ini sebenarnya

memberi impak terutamanya terhadap produktiviti tanaman.

Menurutnya, suhu tinggi akan mengurangkan hasil tanaman seperti padi dengan penurunan hasil sehingga 30 hingga 60 peratus di kawasan yang sering dilanda kemarau.

"Selain itu, ia juga memberi kerugian kepada ekonomi, di mana kerosakan infrastruktur dan kos pemulihan bencana boleh menyebabkan kerugian tahunan melebihi RM20 billion menjelang 2050.

"Bahkan, masalah ini memberi impak kepada kesihatan melalui gelombang haba.

"Keadaan gelombang haba dijangka lebih kerap, dan meningkatkan risiko strok haba," jelasnya.

Mengulas lanjut, Ricky berkata, perubahan iklim bukan hanya menyebabkan peningkatan suhu.



FENOMENA banjir dijangka lebih buruk pada tahun 2030. - GAMBAR HIASAN

Malah, ia boleh menyebabkan peningkatan fenomena banjir di negara ini.

"Malaysia adalah salah satu negara yang paling terdedah kepada banjir di Asia Tenggara. Banjir boleh menjejaskan 130,000 orang pada setiap tahun.

"Menjelang tahun 2030, perubahan iklim dijangka meningkatkan lagi jumlah mangsa sebanyak 70,000 orang yang terkesan disebabkan banjir," ujarnya.

Perubahan iklim ini memberi kesan terhadap El Niño - Southern Oscillation (ENSO) yang menyebabkan peningkatan kekerapan dan intensiti fenomena El Niño dan La Nina.

Kajian juga menunjukkan peningkatan sebanyak 130 peratus kekerapan El Niño ekstrem dengan pemanasan global mencapai 1.5 darjah Celsius.

Malah, fenomena La Nina berturut-turut semakin kerap berlaku, seperti dari tahun 2020 hingga 2022.

Impak daripada ENSO akan

DALAM tempoh 30 tahun, suhu udara meningkat secara konsisten dengan purata 0.28 darjah Celsius. - GAMBAR HIASAN



KOSMO

Tarikh: 23 DEC 2024

mengakibatkan perubahan corak hujan global, termasuk kemarau di kawasan monsun dan banjir di sekitar pesisir pantai.

Selain itu, Ricky menjelaskan, perubahan iklim telah menyebabkan Madden-Julian Oscillation (MJO)

Menurutnya, MJO menunjukkan peningkatan amplitud sebanyak 13 peratus setiap abad yang dipengaruhi oleh kenaikan suhu permukaan laut.

"Tempoh purata fenomena ekstrem MJO adalah 1.35 bulan, dengan intensiti purata 1.07. Ini menunjukkan peningkatan variasi cuaca ekstrem global seperti siklon tropika dan hujan lebat.

"Perubahan dalam MJO membawa kepada peningkatan hujan lebat di kawasan tropika, sekali gus menyebabkan banjir besar.

"Ia juga memberi impak kepada suhu permukaan laut, di mana kesan pemanasan global menjadikan MJO bergerak lebih pantas dengan perubahan corak angin yang melemahkan telekoneksi global," katanya.

Selain itu, perubahan iklim mempengaruhi perubahan pola hujan.

Monsoon Timur Laut menunjukkan peningkatan hujan lebat, manakala Monsoon Barat Daya mencatat musim kering lebih panjang.

Monsoon yang tidak menentu menjadi lebih ekstrem sehingga menyebabkan peningkatan kekerapan banjir dan kekurangan air.

Selain itu, perubahan iklim akan menyebabkan kenaikan paras laut dan hakisan pantai.

Kini, paras laut meningkat pada kadar 3.3 milimeter (mm)/tahun di kawasan Timur dan 5.0 mm/tahun di sebelah Barat Malaysia.

"Menjelang tahun 2100, paras laut diramalkan meningkat sebanyak 0.4 hingga 0.7 meter.

"Kawasan rendah seperti Terengganu, Johor dan Kedah berada dalam risiko tinggi akibat kenaikan aras laut ini," kata Ricky.

Perubahan iklim bukanlah sesuatu yang boleh dipandang enteng kerana ia mempunyai impak jangka panjang jika tiada tindakan diambil.

Mengulas akan hal itu, Ricky berkata, antara impak lain perubahan iklim adalah kemerosotan keselamatan makanan negara.

Menurutnya, kemarau berpanjangan dan fenomena seperti El Nino boleh menyebabkan musim kering lebih panjang di Malaysia.


"Dianggarkan hampir 30 peratus hasil padi di Kedah berisiko hilang akibat kemarau dan kemasukan air masin.

"Selain ini, perubahan iklim ini akan menyebabkan habitat hidupan laut terjejas, dan berlaku fenomena penghijrahan ikan.


"Fenomena ini akan mengurangkan hasil tangkapan ikan sebanyak 10 hingga 20 peratus pada setiap tahun, dan ini mengancam mata pencarian nelayan sepenuh masa," ulasnya.

Selain itu, perubahan iklim akan menyebabkan kerosakan ekosistem dan biodiversiti. Ia akan menyebabkan berlakunya kehilangan kawasan paya bakau.

Hampir 30 peratus ekosistem paya bakau di Malaysia, termasuk di



PERBEZAAN purata suhu udara untuk Malaysia mengikut dekad antara 1991-2000 dan 2011-2020.



GAMBAR rajah jumlah kajian mengenai kesan perubahan iklim yang telah dilakukan di Malaysia (Sehingga 2023).

INFO

Kesan perubahan iklim

- Dari tahun 1970 hingga 2013, suhu purata di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak meningkat sebanyak 0.14 hingga 0.25 darjah Celsius setiap dekad
- Perubahan iklim memberi kesan terhadap El Nino-Southern Oscillation (ENSO) yang menyebabkan peningkatan kekerapan dan intensiti fenomena El Nino dan La Nina
- Paras laut kini meningkat pada kadar 3.3 milimeter (mm)/tahun di kawasan Timur dan 5.0 mm/tahun di Barat Malaysia

Selangor dan Pahang berada dalam risiko tinggi akibat kenaikan paras laut serta hakisan

Kehilangan ini bukan sahaja mengurangkan perlindungan semula jadi daripada ribut dan hakisan, malah menjejaskan habitat spesies marin.

Sementara itu, perubahan iklim boleh menyebabkan krisis air dan tenaga.

Ricky berkata, kesannya akan berlaku kekurangan air semasa musim kering akibat perubahan corak

Monsoon Barat Daya, sekali gus boleh menjejaskan berjuta-juta penduduk di Perlis dan Kelantan.

"Kekurangan air untuk pertanian dan kegunaan domestik akan meningkatkan kos pengurusan sumber air.

"Selain itu, ia akan memberi tekanan kepada sistem tenaga, di mana permintaan tenaga untuk penyejukan meningkat. Ini boleh mendorong peningkatan kos elektrik, dan menambah tekanan kepada sistem tenaga negara," jelasnya.

Disebabkan itu, strategi praktikal untuk mitigasi dan adaptasi perubahan iklim di Malaysia perlu dilakukan segera.

Ricky menjelaskan, pemantauan yang berterusan Melalui Teknologi Remote Sensing (RS) dan Geographic Information Systems (GIS) dalam mengenal pasti serta meramalkan kesan perubahan iklim di Malaysia membolehkan penyaluran bantuan.

"Kita boleh menggunakan teknologi satelit dan pemetaan GIS untuk memantau fenomena seperti pulau haba bandar, kenaikan paras laut atau risiko banjir," katanya.

Tambahnya, Belanda antara contoh negara yang berjaya menggunakan teknologi itu untuk sistem saliran bandar dan perlindungan pantai, sehingga mampu mengurangkan risiko banjir besar. Selain itu, pengurangan pelepasan karbon juga perlu dilakukan.

Langkah itu boleh dilakukan dengan menyediakan kemudahan pengangkutan awam terbaik, dalam usaha mengurangkan pencemaran karbon.

RICKY



KOSMO

Tarikh: 23 DEC 2024

RANGKA KERJA RIA KWSP PERLU STRATEGI KOMPREHENSIF

UTUSAN: Adakah tiga tahap dalam Rangka Kerja RIA baharu boleh dilaksanakan?

JOSEPH: Ya, ia boleh dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, mencapai tahap pendapatan yang diinginkan atau sasaran dalam persaraan bergantung kepada mempunyai landasan simpanan yang cukup panjang dan memastikan kecukupan pendapatan dikekalkan sepanjang masa.

Ini memerlukan perancangan yang teliti, penjimatan yang berdisiplin dan pengurusan strategik sumber kewangan dari semasa ke semasa.

Adakah langkah baharu ini menangani sepenuhnya isu kenaikan kos sara hidup atau adakah kerajaan perlu melaksanakan beberapa bentuk pelan keselamatan sosial untuk menambah baik rangka kerja?

Sebaik-baiknya, pembayaran persaraan di bawah rangka kerja ini harus diindeks kepada inflasi, kos kehidupan atau taraf hidup, mana-mana yang paling relevan untuk memastikan keselamatan kewangan semasa bersara.

Walau bagaimanapun, ini sahaja mungkin tidak mencukupi.

Kerajaan juga harus mempertimbangkan untuk mengagihkan satu bentuk insurans

MUKADIMAH

BARU-BARU ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melancarkan Panduan Belanjawanku 2024/2025 dan Rangka Kerja Kecukupan Pendapatan Persaraan (RIA).

Panduan dan rangka kerja tersebut bertujuan menyediakan panduan komprehensif untuk perbelanjaan bulanan serta mengemas kini tahap simpanan yang disyorkan daripada penanda aras simpanan satu tahap kepada kerangka simpanan tiga tahap.

Inisiatif ini dibangunkan untuk menggalakkan keselamatan kewangan dan memastikan masa depan persaraan yang sejahtera bagi semua rakyat Malaysia.

Rangka Kerja RIA dengan tiga tahap baharu iaitu Simpanan Asas, Simpanan Mencukupi dan Simpanan Dipertingkat menumpukan kepada konsep simpanan dan jaminan pendapatan persaraan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Profesor Amalan Kewangan Asia School of Business, **JOSEPH CHERIAN** berkongsi pandangannya dengan *Utusan Malaysia* berkaitan panduan dan rangka kerja tersebut.



"KERAJAAN JUGA HARUS MEMPERTIMBANGKAN UNTUK MENGGABUNGKAN SATU BENTUK INSURANS 'TAIL RISK' DALAM RANGKA KERJA, SEPERTI PERLINDUNGAN RISIKO JANGKA HAYAT MELALUI KWSP."

'tail risk' dalam rangka kerja, seperti perlindungan risiko jangka hayat melalui KWSP.

Sebagai contoh, jika sese-

orang individu hidup 20 tahun melebihi tempoh persaraan yang dirancang, mereka berisiko mempunyai kekurangan

simpanan mereka.

Untuk menangani perkara ini, skim RIA harus distrukturkan sebagai anuiti hayat dan bukannya anuiti berjangka, memastikan jaminan pendapatan sepanjang hayat.

Tambahan pula, terdapat keperluan yang kuat untuk skim keselamatan sosial berasaskan keperluan untuk menyokong mereka yang mungkin kekurangan simpanan atau pendapatan yang mencukupi, dengan itu

menangani isu itu dari perspektif holistik.

KWSP berkata setakat Oktober 2024, hanya kira-kira 36 peratus ahli rasmi KWSP yang aktif memenuhi tahap Simpanan Asas sedia ada mengikut umur, berada pada RM240,000 menjelang umur 55 tahun. Adakah ini menandakan krisis persaraan mendatang dan adakah yang baharu Rangka Kerja RIA membantu menyelesaikan masalahnya?

Statistik ini memang menyeronokkan krisis persaraan yang semakin hampir di Malaysia dan banyak negara lain.

Cabaran ini amat meruncing bagi individu yang tidak mempunyai landasan simpanan yang cukup panjang atau keupayaan kewangan untuk menyimpan secukupnya.

Penyelesaian yang berpotensi untuk teka-teki ini termasuk bekerja untuk tempoh yang lebih lama, meningkatkan arus simpanan (atau kurang berbelanja pada masa hadapan) atau mendapatkan pendapatan melalui aset seperti rumah melalui mekanisme seperti gadai janji terbalik (reverse mortgage), jika mempunyai pemilikan rumah.

Masalahnya tidak dapat dinafikan rumit, tetapi ia tidak dapat diatasi.

Walau bagaimanapun, menangani isu kritikal seperti itu memerlukan lebih daripada kata-kata di media yang mudah. Ia memerlukan strategi yang komprehensif, dipacu data, penggabungan dasar yang mantap dan penglibatan awam yang aktif untuk melaksanakan penyelesaian yang berkesan.



RANGKA Kerja RIA dengan tiga tahap baharu iaitu Simpanan Asas, Simpanan Mencukupi dan Simpanan Dipertingkat menumpukan kepada konsep simpanan dan jaminan pendapatan persaraan.



JAIS ABDUL
KARIM

Integriti qalbi tutup ruang, tutup peluang rasuah

INTEGRITI merupakan asas kepada pembentukan masyarakat yang adil, amanah, dan berruasia. Dalam konteks usaha memerangi rasuah, integriti qalbi iaitu integriti yang lahir daripada hati dan disokong oleh akal yang waras adalah benteng utama yang mampu menutup ruang dan peluang kepada amalan rasuah. Prinsip integriti qalbi mampu mencegah ruang dan peluang rasuah melalui tanggungjawab individu, pematuhan undang-undang, dan pemantauan sistem pengawasan.

PENGERTIAN INTEGRITI QALBI

Integriti qalbi bermaksud keikhlasan dan kesedaran moral yang mendalam untuk melakukan sesuatu dengan betul walaupun tiada pengawasan. Ia melibatkan sifat amanah, jujur, dan tanggungjawab yang terpacu dalam hati dan diterjemahkan melalui tindakan. Dalam menghadapi cabaran dunia moden, integriti qalbi menjadi perisai untuk menolak godaan dan tekanan untuk melakukan perbuatan rasuah.

TUTUP RUANG RASUAH

Ruang kepada rasuah sering wujud apabila terdapat kelemahan dalam sistem pentadbiran, kurangnya pengawasan, dan ketiadaan integriti di kalangan individu yang diberi amanah. Ruang ini boleh ditutup dengan:

■ **Ketegasan Pematuhan Undang-Undang:** Undang-undang seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang menggariskan kewajipan melaporkan cubaan rasuah perlu dikuatkuasakan dengan lebih tegas.

■ **Pelaporan Berani:** Seksyen 25(1) Akta SPRM menggalakkan pelaporan cubaan rasuah, tetapi keberanian untuk melapor seringkali bergantung kepada keinsafan moral pemberi maklumat.

■ **Pendidikan dan Kesedaran Awam:** Penanaman nilai integriti di sekolah, universiti, dan sektor awam dapat membina kesedaran tentang kesan buruk rasuah.

TUTUP PELUANG RASUAH

Peluang untuk berlakunya rasuah timbul apabila terdapat kelemahan sistem pengurusan dan prosedur operasi yang tidak telus. Antara cara menutup



DENGAN menutup ruang dan peluang kepada rasuah, kita dapat membina masyarakat yang adil, telus, dan amanah.

peluang rasuah iaitu:

■ **Digitalisasi dan Ketelusan:** Penggunaan teknologi dalam pentadbiran, seperti sistem tender terbuka, dapat mengurangkan interaksi langsung yang sering menjadi punca rasuah.

■ **Pengawasan Bersepadu:** Agensi penguatkuasaan seperti SPRM dan badan pemantau lain perlu menjalankan audit berkala ke atas sektor yang berisiko tinggi terhadap rasuah.

■ **Pematuhan Kod Etika:** Pematuhan kod etika di kalangan penjawat awam dan pemimpin masyarakat perlu dipatuhi untuk memastikan semua keputusan dibuat berdasarkan prinsip keadilan dan ketelusan.

CABARAN DALAM MENUTUP RUANG DAN PELUANG RASUAH

■ **Dilema Pemberi dan Penerima Rasuah**

Salah satu isu utama dalam kes rasuah ialah hubungan kompleks antara pemberi dan penerima rasuah. Pemberi rasuah sering menjadi pemberi maklumat (whistleblower) apabila niat jahat mereka untuk mendapatkan sesuatu gagal. Walau bagaimanapun, status mereka tidak semestinya dibebaskan sepenuhnya daripada tindakan undang-



Salah satu isu utama dalam kes rasuah ialah hubungan kompleks antara pemberi dan penerima rasuah. Pemberi rasuah sering menjadi pemberi maklumat (whistleblower) apabila niat jahat mereka untuk mendapatkan sesuatu gagal."

undang, bergantung kepada niat dan kerjasama semasa siasatan.

Sebagai contoh, jika pemberi rasuah melapor kepada SPRM kerana keinsafan atau tekanan, mereka mungkin dianggap saksi penting pendakwaan dan diberikan pengurangan hukuman.

Namun, jika pemberi bertindak atas dasar niat jahat (contohnya, melaporkan kerana projek tidak diluluskan), mereka masih boleh dikenakan tindakan

di bawah Seksyen 17(b) Akta SPRM.

Dalam situasi ini, penerima rasuah, terutamanya penjawat awam, tetap bersalah jika mereka menerima rasuah dan gagal melaporkan cubaan pemberian rasuah, seperti yang diwajibkan oleh Seksyen 25(2) Akta SPRM.

■ **Sistem yang Lemah dan Tidak Telus**

Sistem pentadbiran yang tidak telus membuka peluang kepada penyelewengan kuasa. Di sinilah pentingnya integriti qalbi untuk memastikan individu tidak menyalahgunakan kuasa walaupun terdapat peluang untuk melakukannya.

■ **Persepsi dan Budaya Kompromi**

Rasuah sering dianggap 'minyak pelincir' untuk melicinkan proses birokrasi. Persepsi ini perlu diubah melalui pendidikan dan penegasan nilai integriti dalam budaya masyarakat.

MEMBINA EKOSISTEM INTEGRITI

■ **Latihan dan Pendidikan Integriti**

Latihan berkala untuk penjawat awam, pemimpin masyarakat, dan pelajar dapat membina asas nilai integriti qalbi. Program seperti *Code of Trust* yang diperkenalkan MCW boleh menjadi platform

untuk memupuk budaya amanah dalam kalangan generasi muda.

■ **Perlindungan Pemberi Maklumat**

Melindungi pemberi maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 adalah penting untuk menggalakkan lebih ramai individu tampil melaporkan kes rasuah tanpa takut akan balasan.

■ **Teknologi sebagai Alat Pencegahan**

Digitalisasi proses pentadbiran boleh menjadi alat yang efektif untuk menutup peluang rasuah. Sebagai contoh, penggunaan sistem *blockchain* dalam pendaftaran tanah atau kontrak kerajaan dapat memastikan semua transaksi direkodkan secara telus.

■ **Penguatkuasaan**

Pemantauan oleh SPRM SPRM perlu meningkatkan keupayaan untuk menyiasat dan mendakwa kes rasuah dengan lebih efisien. Kerjasama antara SPRM dan NGO seperti MCW dapat memperkukuh usaha melawan rasuah.

■ **Menggerakkan Perubahan dengan Integriti Qalbi**

Rasuah adalah penyakit yang boleh menghancurkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem pentadbiran. Untuk membanterasnya, usaha perlu dimulakan dari dalam hati setiap individu melalui integriti qalbi. Dengan menutup ruang dan peluang kepada rasuah, kita dapat membina masyarakat yang adil, telus, dan amanah.

Peranan MCW, SPRM, dan semua lapisan masyarakat amat penting dalam menjadikan integriti qalbi sebagai teras kehidupan. Hanya dengan bersatu hati dan bertindak secara kolektif, kita mampu mewujudkan Malaysia yang bebas daripada rasuah, selaras dengan slogan "Tutup Ruang, Tutup Peluang."

Integriti qalbi bukan sekadar kata-kata, tetapi komitmen untuk melaksanakan amanah dengan penuh kejujuran. Inilah kunci kepada perubahan yang kita dambakan.

PENULIS ialah Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW).

Pesalah trafik culas bayar saman tertunggak perlu diburu 23/12 sinar

SHAH ALAM - Agensi penguatkuasaan perlu bertindak tegas dan meningkatkan usaha mengesan pesalah jalan raya yang culas membayar saman tertunggak.

Pengasas Persatuan Pakar Keselamatan Jalan Raya, Manan Supri berkata, usaha mengesan pesalah trafik secara optimum perlu dilakukan bagi memastikan mereka membayar kompaun atau saman dengan kadar segera.

Beliau berkata, perkara itu penting bagi mengelakkan pesalah trafik daripada disabitkan di mahkamah atau berhadapan dengan hukuman penjara kerana ingkar perintah mahkamah.

"Pengguna jalan raya sedia maklum bahawa mereka tertakluk kepada Akta



MANAN

Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

"Namun begitu masih ramai yang tidak tahu membezakan antara kes yang boleh dikompaun atau sebaliknya, sama ada ia di bawah undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Media melaporkan ramai pemilik motor besar juga culas dalam membayar saman tertunggak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Manan berkata, secara lazimnya mana-mana kes yang boleh dikompaun adalah tertakluk kepada suatu tempoh yang ditawarkan bagi membolehkan pesalah membuat bayaran atau memohon rayuan.

Jelasnya, sekiranya gagal berbuat demikian, kes akan dibawa ke mahkamah.

Pada Sabtu, *Sinar Harian* melaporkan, polis merekodkan 5,646 saman ekor membabitkan penunggang motosikal berkuasa tinggi sejak tahun lalu hingga Oktober lepas.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik mendedahkan sebanyak 4,531 atau lebih 80 peratus saman belum dilunaskan yang nilainya mencecah RM1.3 juta.



Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.

SINAR HARIAN

Tarikh: 23 DEC 2024